# RINGKASAN EKSEKUTIF

**KERTAS CADANGAN** :

CADANGAN PEMBAYARAN PENCERAMAH/MODERATOR UNTUK SESI PERKONGSIAN MENERUSI APLIKASI DIGITAL DAN
CADANGAN KAEDAH PENGENDALIAN LATIHAN UNTUK PROJEK SPPE MENERUSI APLIKASI DIGITAL ANJURAN PEJABAT MPC WILAYAH TENGAH (CRO) DAN PEJABAT-PEJABAT WILAYAH DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SPPE-MPB

**OBJEKTIF** :

Sesi perkongsian oleh penceramah jemputan menerusi aplikasi digital ini merupakan satu pendekatan baharu MPC untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat dan ilmu kepada rakan industri. Antara objektif sesi perkongsian ini adalah:

1. Membolehkan rakan industri (termasuk syarikat peserta SPPE) mendapat maklumat terkini dan kaedah yang boleh digunapakai bagi menghadapi krisis Covid-19.

2. Perkongisan ilmu dan pengalaman pemain industri bagi melalui fasa pemulihan Covid-19

3. Mempromosikan kaedah alternatif pelaksanaan latihan/kursus kepada rakan industri menerusi aplikasi digital.

4. Melaksanakan projek-projek di bawah SPPE-MPB dengan menggunakan aplikasi digital

**PERUNTUKAN & KADAR BAYARAN** :

**Peruntukan SPPE – MPB**

i. Kadar Bayaran berdasarkan Pekeliling WP 1.8/2015 (Penjawat Awam)

| Kumpulan Perkhidmatan | Pensyarah/ Penceramah Sambilan (RM Sejam) | Fasilitator Sambilan (RM Sejam) | Had Maksimum Sebulan |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi | 300.00 | 100.00 | Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai |
| Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 53 & 54 | 200.00 | 100.00 | |
| Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 45 – 52 | 150.00 | 90.00 | |
| Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 – 44 | 120.00 | 80.00 | |
| Kumpulan Sokongan | 80.00 | 60.00 | |
| Pengalaman @ Kepakaran Khusus | Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian | | |

ii. Kadar Bayaran berdasarkan Pekeliling WP 1.8/2015 (Individu Swasta)

| Kelayakan Akademik | Bayaran (RM Sejam) **Tempatan** | Bayaran (USD Sejam) **Antarabangsa** |
|---|---|---|
| PhD | 400.00 | 100.00 |
| Sarjana | 300.00 | 100.00 |
| Sarjana Muda | 200.00 | 100.00 |
| Diploma/Sijil | 100.00 | 100.00 |
| Pengalaman @ Kepakaran Khusus | Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian | |

Nota:

a. Lantikan Speaker/Moderator/Penceramah/pembentang kertas kerja/fasilitator adalah di bawah 4 jam
b. Kadar bayaran penyediaan slaid adalah mengikut kadar bayaran saguhati dan dihadkan kepada 1 jam sahaja bagi 1 sesi
c. Cadangan Kadar Bayaran kepada penceramah antarabangsa adalah atas persetujuan Pengarah Bahagian.
   ***** Kaedah pembayaran ini adalah tertakluk kepada kadar terkini yang ditetapkan oleh MPC.***

iii. Kaedah pengendalian Latihan SPPE yang dilaksanakan secara Online.
Kadar bayaran latihan yang dibuat secara online adalah sama mengikuti kadar yang ditetapkan dalam Mesyuarat Bom Bil 211/2012 pada 3/5/2012

   a. Pendekatan yang dilaksanakan adalah berbeza di mana Latihan akan dilaksanakan secara Online mengikut ketetapan masa selama 4 jam pada 1 hari dan hari yang berikutnya dengan kadar 8 jam sehari.
   b. Mengikut garis panduan yang telah dibangunkan
   c. Jumlah bayaran adalah mengikut kadar Latihan & Perundingan

| | | |
|---|---|---|
| **JABATAN** | : | Pejabat MPC Wilayah Tengah (CRO) |
| **DiSOKONG OLEH** | : | TKP QED |
| **ULASAN KETUA AKAUNTAN** | : | |
| **KOMEN PENGURUS PCT** | : | |

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN**
**LEMBAGA PENGURUSAN**

# PEMBAYARAN PENCERAMAH/MODERATOR BAGI SESI PERKONGSIAN MENERUSI APLIKASI DIGITAL DAN KAEDAH PENGENDALIAN LATIHAN UNTUK PROJEK SPPE MENERUSI APLIKASI DIGITAL

## 1.0. TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi Pejabat MPC Wilayah Tengah (CRO) dan Pejabat Wilayah yang lain untuk :

i. Menganjurkan sesi perkongsian secara *online* oleh penceramah jemputan dan membuat pembayaran kepada penceramah berdasarkan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Pekeliling WP 1.8/2015 dengan menggunakan Peruntukan SPPE-MPB serta,

ii. Makluman kaedah pengendalian Latihan SPPE secara Online bagi Projek Pembangunan Sistem SPPE.

## 2.0. LATAR BELAKANG

2.1 Krisis Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Malaysia telah merubah landskap dan cara kerja sesebuah organisasi. Pelbagai pendekatan dan kaedah yang digunakan bagi memastikan tugasan harian dapat diteruskan seperti biasa.

2.2 Aplikasi digital merupakan salah satu kaedah terbaik yang diguna pakai pada masa kini dan juga untuk masa hadapan bagi menyebarkan ilmu dan berkongsi maklumat bersama rakan industri MPC. Pendekatan ini dilihat dapat memberikan impak yang positif kepada rakan industri untuk mendapatkan ilmu dan maklumat terkini secara atas talian dan cepat.

2.3 Bagi memastikan amalan terbaik dan maklumat ini dapat disalurkan kepada rakan industri, CRO (dan lain-lain Pejabat Wilayah) merancang dan akan menganjurkan beberapa sesi perkongsian bersama penceramah jemputan dengan tajuk-tajuk yang dirasakan bersesuaian dengan keadaan semasa.

2.4 Bagi Latihan di dalam Projek Pembangunan Sistem pula, Garis Panduan pengendalian latihan online telah dibangunkan untuk memudahkan perancangan, persediaan dan pengajaran latihan terus dilaksanakan.

2.5 Mekanisma latihan akan diadakan dalam tempoh empat (4) jam sahaja untuk satu hari dan memerlukan dua (2) hari bagi melengkapkan mandays pemberian latihan (Mandays Satu (1) hari latihan).

## 3.0. OBJEKTIF

Tujuan sesi perkongsian dan latihan melalui aplikasi digital ini adalah untuk:

i. Membolehkan rakan industri mendapat maklumat terkini dan kaedah yang boleh digunapakai bagi menghadapi krisis Covid-19 dan pada masa akan datang.
ii. Perkongisan ilmu dan pengalaman pemain industri bagi melalui fasa pemulihan Covid-19 dan pembangunan syarikat pada masa hadapan.
iii. Mempromosikan kaedah alternatif pelaksanaan latihan/kursus kepada rakan industri menerusi aplikasi digital.
iv. Melaksanakan projek-projek di bawah SPPE-MPB dengan menggunakan aplikasi digital.

## 4.0. CADANGAN KADAR BAYARAN DAN PERUNTUKAN

4.1 Cadangan pembayaran saguhati dibuat kepada penceramah berdasarkan kepada Pekeliling WP 1.8/2015.

4.2 Peruntukan yang dicadangkan untuk digunakan bagi tujuan pembayaran adalah daripada **Peruntukan SPPE-MPB**

4.2.1 Kadar bayaran bagi Penceramah/Moderator Jemputan Penjawat Awam

<table>
<tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Pensyarah/ Penceramah Sambilan (RM Sejam)</th><th>Fasilitator Sambilan (RM Sejam)</th><th>Had Maksimum Sebulan</th></tr>
<tr><td>Kumpulan Pengurusan Tertinggi</td><td>300.00</td><td>100.00</td><td rowspan="5">Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 53 & 54</td><td>200.00</td><td>100.00</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 45 – 52</td><td>150.00</td><td>90.00</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 – 44</td><td>120.00</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Sokongan</td><td>80.00</td><td>60.00</td></tr>
<tr><td>Pengalaman @ Kepakaran Khusus</td><td colspan="3">Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian</td></tr>
</table>

4.2.2 Kadar Bayaran bagi Penceramah/Moderator Jemputan Swasta dan Antarabangsa

| Kelayakan Akademik | Bayaran (RM Sejam) **Tempatan** | Bayaran (USD Sejam) **Antarabangsa**** |
|---|---|---|
| PhD | 400.00 | 100.00 |
| Sarjana | 300.00 | 100.00 |
| Sarjana Muda | 200.00 | 100.00 |
| Diploma/Sijil | 100.00 | 100.00 |
| Pengalaman @ Kepakaran Khusus | Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian | |

4.2.3 Lantikan Speaker/Moderator/Penceramah/pembentang kertas kerja/fasilitator adalah di bawah 4 jam.

4.2.4 Kadar bayaran penyediaan slaid adalah mengikut kadar bayaran saguhati dan dihadkan kepada 1 jam sahaja bagi 1 sesi).

4.2.4 Kadar bayaran ini juga tertakluk kepada kadar terkini yang ditetapkan oleh MPC.

4.3 Cadangan kaedah pembayaran pembekal latihan secara Online bagi Projek Pembangunan Sistem adalah mengikut garis panduan yang dibangunkan di Lampiran 1.

## 5.0. KAEDAH PEMBAYARAN

Kaedah pembayaran kepada penceramah/moderator jemputan adalah berdasarkan kepada Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Unit Perolehan MPC dan dengan menggunakan Borang ISO dan pembayaran pembekal menggunakan RO bagi Latihan yang dijalankan di bawah SPPE.

**6.0. SYOR**

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan Kertas Cadangan ini bagi membolehkan Pejabat MPC Wilayah Tengah (CRO) dan Pejabat Wilayah untuk membuat pembayaran kepada penceramah/moderator jemputan yang menjalankan perkongsian menerusi aplikasi digital berdasarkan Pekeliling 1.8/2015 dan menggunakan Peruntukan SPPE-MPB serta Makluman Kaedah Pengendalian Latihan secara Online mengikut garis panduan yang ditetapkan.

| Disediakan oleh: | Disemak oleh: |
|---|---|
| Mohd Faizol Abd Rahman | **Haji Zainuddin Elias** |
| Penolong Pengurus, CRO | Timbalan Pengarah CRO |
| Tarikh : 21 April 2020 | Tarikh : 21 April 2020 |

Disokong oleh:

**Encik Rosmi Abdullah**
Pengarah CRO
Tarikh: 21 April 2020